

Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan

Yeo Kee Jiar & Noor Aniszah Bajjan

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kerja rumah merupakan satu komponen yang penting dalam suatu proses pembelajaran. Kerja rumah berfungsi sebagai latihan kepada pelajar dan melangkaui kerja yang dilakukan di dalam kelas. Walaupun terdapat pandangan yang berbeza mengenai kebaikan kerja rumah, kerja rumah masih dapat menyumbang kepada pencapaian pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti “Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Bagi Mata Pelajaran Matematik Dan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan”. Responden kajian terdiri daripada 101 orang pelajar daripada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan dalam kawasan Johor Bahru iaitu SJK(C) PU SZE, Skudai dan SJK(C) PEI HWA, Taman Perling. Soal selidik merupakan instrument yang digunakan untuk mengumpul data. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Perisian Statistical Package Forsocial Science (SPSS) version 13.0*. Hasil kajian menunjukkan indeks korelasi bagi, pemboleh ubah peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah dalam Matematik dan Bahasa Inggeris adalah -0.151 dan -0.164. Indeks korelasi bagi pemboleh ubah kerja rumah jenis latihan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris ialah -0.30 dan -0.65. Bagi pemboleh ubah jenis persediaan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, indeks korelasi adalah 0.201 dan 0.131 masing-masing. Bagi cara pengelolaan semasa guru memberikan kerja rumah, indeks korelasi bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris ialah 0.116 dan 0.132 masing-masing. Manakala cara pengelolaan guru selepas kerja rumah diberikan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris adalah 0.094 dan 0.092 masing-masing. Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan antara peruntukan masa, jenis kerja rumah (latihan) dan pengelolaan guru dengan pencapaian pelajar.

Katakunci : kerja rumah, pencapaian akademik

Pengenalan

Kerja rumah merupakan tugas yang diberikan oleh guru kepada pelajar untuk disiapkan di luar waktu persekolahan. Menurut Harris Cooper *et al* (1998), kerja rumah ialah tugas yang tersendiri dan tidak bergantung. Sekiranya pelajar dapat melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh, maka kerja rumah dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Kerja rumah mempunyai beberapa tujuan yang tersendiri. Lee & Pruitt (1979), membahagikan tujuan kerja rumah kepada beberapa bahagian. Antaranya kerja rumah sebagai penegasan kepada pelajar terhadap pembelajaran pelajar pada sesi berkenaan. Selain itu, kerja rumah juga berperanan sebagai persediaan pelajar untuk menghadapi pembelajaran akan datang. Seterusnya, kerja rumah turut berperanan sebagai satu latihan kepada pelajar untuk berfikir selain memahirkan pelajar untuk menguasai kemahiran-kemahiran penting seperti kemahiran menganalisis, kemahiran membuat hipotesis dan sebagainya.

Latar belakang kerja rumah bermula awal tahun 1920-an. Pada zaman itu, kerja rumah menjadi salah satu cara untuk mendisiplinkan pelajar dalam usaha mengukuhkan daya ingatan pelajar terhadap pembelajaran mereka. Pada lewat 1940-an pula, kerja rumah mula kurang mendapat perhatian berikutan kaedah penyelesaian masalah atau '*problem solving*' ditekankan di

sekolah-sekolah di Amerika Syarikat. Pada zaman berkenaan, pendukung akademik berpendapat kaedah penyelesaian masalah yang diterapkan mampu menyediakan pelajar yang berdaya saing, inisiatif dan bersikap positif.

Pelbagai lapisan masyarakat memberi pandangan mengenai kerja rumah. Antaranya Paschal *et al* (1984). Mereka sebulat suara setuju menyatakan kerja rumah banyak memberi kesan positif kepada pelajar. Selain itu, Rutter (1979) mendapati sekolah yang memberi banyak kerja rumah kepada pelajar mempunyai pelajar yang berdisiplin dan mempunyai pencapaian akademik yang membanggakan. Bagi Marshall (1982), pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran matematik ialah pelajar yang menyiapkan kerja rumah. Walaupun kerja rumah berbeza dari segi jumlah, jenis dan tempoh namun matlamatnya adalah sama iaitu sebagai peneguhan dan latihan. Persoalan yang timbul adalah sejauh mana kerja rumah berjaya mencapai hasrat tersebut.

Penyataan Masalah

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa kerja rumah boleh mendatangkan kesan yang baik sekiranya diurus dengan baik. Pengurusan kerja rumah bermaksud guru perlu meneliti dan merancang untuk memberikan kerja rumah kepada pelajar. Sekiranya perkara ini diabaikan, kerja rumah yang pada dasarnya mempunyai impak yang positif terhadap tingkah laku dan pencapaian pelajar, akan menjadi sebaliknya. Sebagai guru merancang pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang sangat penting untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan. Begitu juga dalam memberi kerja rumah kepada pelajar. Guru perlu merancang dengan teliti termasuk berdiskusi dengan guru-guru yang lain sebelum memberikan kerja rumah. Hal ini demikian kerana pelajar bukan sahaja belajar satu mata pelajaran dalam satu sesi persekolahan. Tanpa perbincangan ini, di khawatiri setiap guru yang mengajar setiap mata pelajaran memberikan kerja rumah dan kesannya kerja rumah yang pada awalnya bertindak sebagai peneguhan kepada pembelajaran pelajar, bertukar menjadi beban kepada mereka.

Sejajar dengan penjelasan di atas, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara penggunaan masa, jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris.

Objektif kajian

Secara umumnya, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara peruntukan masa, jenis dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar tahun lima dalam mata pelajaran tersebut di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Secara lebih spesifik, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui hubungan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris
- ii) Mengetahui hubungan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris
- iii) Mengetahui hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris
- iv) Mengetahui hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris

- v) Mengetahui pasti hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris

Kepentingan kajian

Kajian mengenai “Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan” ini sangat berguna kepada pihak-pihak tertentu seperti kepada pelajar, guru, pihak pentadbiran sekolah, ibu bapa dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Menerusi kajian ini, diharapkan pelajar dapat mengetahui pasti jenis kerja rumah yang berkualiti dan berkesan selain bijak mengurus masa dalam membuat kerja rumah. Dengan ini, pelajar dapat memperbaiki kelemahan dan membina kekuatan untuk terus berjaya dan memperoleh kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik malah semua bidang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu keseimbangan jasmaniah, emosi, rohaniah, intelek dan sahsiah.

Kepada para guru, diharapkan kajian ini dapat membantu untuk membuat refleksi sama ada cara pengelolaan terhadap kerja rumah berada dilandaskan yang betul atau sebaliknya. Dengan ini, diharapkan para guru mendapat memanfaatkan sebaiknya dan sekaligus memenuhi kehendak FPK.

Pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah merupakan tunjang kepada sesebuah sekolah. Tanpa pemantauan dan pemerhatian yang teliti daripada pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah, sudah tentu hala tuju sekolah tidak berjalan dengan lancar. Diharapkan dengan adanya hasil kajian ini, barisan pentadbiran dan pengurusan sekolah dapat mengambil peluang dan membuat satu inisiatif untuk kepentingan bersama sekaligus membina nama sebagai salah sebuah sekolah yang cemerlang di Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan agensi tertinggi dalam aspek pendidikan sekolah. Maka adalah menjadi tanggungjawab kementerian untuk menjadikan hasil kajian ini sebagai bahan rujukan dalam proses meningkatkan pencapaian pelajar. Menerusi kajian ini juga, kementerian boleh menggubal semula segala kekurangan yang tidak disengajakan agar sistem pendidikan negara lebih mampan.

Kepada golongan ibu bapa, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu ibu bapa untuk bersama-sama dengan pihak sekolah untuk meningkatkan mutu pembelajaran anak-anak dan sentiasa memantau pelajaran anak-anak dari semasa ke semasa.

Reka Bentuk Kajian

Menurut Mohd Najib (1990), kajian deskriptif merupakan kajian yang sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan satu keadaan atau situasi yang berlaku. Selain itu, kajian deskriptif juga menunjukkan proses mencari kebenaran telah dilihat dari dua sudut, iaitu jenis kuantitatif dan jenis kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Menurut Abdul Aziz (1995), cara yang terbaik dalam kajian analisis ialah dengan mengedarkan borang soal selidik. Melalui borang soal selidik ini dapat membantu pengkaji mengumpul maklumat. Soal selidik juga sangat sesuai digunakan kerana kaedah ini mudah mendapat kerjasama daripada responden. Soalan-soalan yang dikemukakan berbentuk skala ‘Likert’.

Sampel Kajian / Responden

Kajian ini dijalankan dua Sekolah Jenis Kebangsaan iaitu SJK PU SZE, Skudai dan SJK PEI HWA, Taman Perling. Kaedah pensampelan yang dibuat adalah pensampelan rawak iaitu menghantar borang soal selidik kepada responden yang dikenal pasti dengan membuat pilihan secara rawak berkumpulan. Seramai 101 pelajar telah terlibat sebagai sampel kajian ini.

Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik. Menurut Tuckman (1988), alat kajian yang kerap digunakan adalah kajian yang berupa deskriptif ialah soal selidik kerana melalui instrument kajian ini, kerjasama senang diperolehi dan menjimatkan masa. Di samping itu, sampel kajian bebas membuat pilihan, memberi pendapat dan bebas daripada tekanan ketika menilai dalam soal selidik.

Dalam kajian ini, soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang dan maklumat demografi responden iaitu jantina, bangsa, peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah dalam seminggu dan markah Matematik dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan akhir tahun. Pelajar dikehendaki menandakan (/) pada kenyataan yang betul. Manakala bahagian B, pada borang soal selidik merangkumi 30 soalan untuk dua pembolehubah iaitu jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah dengan setiap satu pembolehubah mempunyai 15 soalan masing-masing. Setiap bahagian mewakili pembolehubah-pembolehubah yang terangkum dalam kajian. Setiap item soal selidik di semak oleh penyelia supaya soalan soal selidik adalah jelas, padat, mudah difahami dan tidak mempunyai lebih satu maksud yang boleh mengganggu kefahaman responden.

Kajian Rintis

Tujuan kajian rintis di lakukan adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Setiap item soal selidik telah di semak oleh penyelia terlebih dahulu. Menurut Mohd Najib (2003), indeks kebolehpercayaan yang melebihi alpha Cronbach 0.7 boleh dianggap mencukupi dan boleh digunakan.

Dalam mengkaji hubungan antara kerja rumah dengan pelajar tahun 5 ini, Kajian rintis ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Pulai. Seramai 20 orang responden daripada tahun lima telah dipilih secara rawak untuk menjawab item-item soal selidik. Pelajar-pelajar telah diberikan 20 minit untuk menyiapkan soalan dalam borang soal selidik. Sebaik sahaja responden selesai menjawab, borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis dengan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* bagi mendapat kebolehpercayaan soal selidik. Jika nilai alpha, ' α ' didapati kurang daripada 0.7, maka item dalam soal selidik adalah perlu diperbaiki. Dalam kajian rintis yang telah dijalankan, nilai ' α ' adalah 0.885. Ini menunjukkan tidak terdapat item-item yang tidak sesuai yang perlu diperbaiki.

Analisis Data

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan didapati objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam bab satu tercapai. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pembolehubah peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah dalam Matematik dan Bahasa Inggeris mempunyai hubungan negatif dengan pencapaian masing-masing dalam mata pelajaran tersebut. Indeks korelasi bagi Matematik dan Bahasa Inggeris adalah - 0.151 dan -0.164.

Pembolehubah kerja rumah jenis latihan dalam Matematik dan Bahasa Inggeris turut menunjukkan hubungan yang negatif dengan pencapaian Matematik dengan indeks korelasi - 0.30 dan -0.65 masing-masing. Bagi pemboleh ubah jenis persediaan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, indeks korelasi adalah 0.201 dan 0.131 di mana kedua-dua indeks mempunyai hubungan yang positif dengan pemboleh ubah masing-masing.

Dalam bahagian cara pengelolaan kerja rumah oleh guru pula, bagi cara pengelolaan semasa guru memberikan kerja rumah, indeks korelasi bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris ialah 0.116 dan 0.132. Manakala cara pengelolaan guru selepas kerja rumah diberikan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris masing-masing adalah 0.094 dan 0.092. Secara keseluruhan, ketiga-tiga pembolehubah: peruntukan masa, jenis kerja rumah latihan dan cara pengelolaan guru tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Jadual 1 merupakan ringkasan daripada dapatan kajian.

Jadual 1

Bil	Hipotesis	Dapatan
Ho1	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian matematik	Diterima
Ho2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa membuat kerja rumah Bahasa Inggeris dengan pencapaian	Diterima
Ho3	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik di Sekolah Jenis Kebangsaan (cina)	Diterima
Ho4	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan (cina)	Diterima
Ho5	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan Matematik dengan pencapaian Matematik	Ditolak
Ho6	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan Bahasa Inggeris dengan pencapaian Matematik	Diterima
Ho7	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) Matematik dengan pencapaian Matematik	Diterima
Ho8	Tidak terdapat hubungan yang signifikan cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah diberikan) Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Diterima
Ho9	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian Matematik	Diterima
H10	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian Bahasa Inggeris	Diterima

Perbincangan

Dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar. Nilai indeks korelasi -0.151 dan -0.164 masing-masing. Tanda negatif di hadapan nilai pekali tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan negative antara peruntukan masa menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian pelajar.

Menurut Wolf (1979), menyatakan peruntukan bilangan masa untuk menyiapkan kerja rumah berkait dengan pencapaian pelajar. Namun begitu dapatan kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan kerana menurut Cooper, kerja rumah tidak mendatangkan kesan kepada pelajar sekolah rendah. Cooper dan Valentine (2001), mendapati kerja rumah yang banyak banyak dikaitkan dengan pencapaian akademik yang rendah di sekolah rendah kerana pada peringkat ini, kerja rumah berfungsi untuk membangunkan kemahiran pelajar bukan untuk meningkatkan akademik. Alfie Kohn (2006), menyatakan tiada hubungan antara peruntukan masa dengan pencapaian pelajar kanak-kanak. Menurut Corn dan Xu (2004) kerja rumah membantu untuk mengembangkan kemahiran, meningkatkan motivasi dan keupayaan dan memupuk minat untuk belajar. Trautwein dan Koller (2003), mendapati sekiranya pelajar memperuntukan masa yang banyak, tidak semestinya pelajar itu mendapat pencapaian akademik yang baik.

Dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis (latihan) kerja rumah Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar. Nilai indeks korelasi masing-masing -0.30 dan -0.65 . Ini menunjukkan perhubungan antara peruntukan masa dengan pencapaian pelajar adalah sangat lemah. Bagi jenis persediaan, terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan Matematik dengan pencapaian Matematik dengan indeks korelasi 0.201 manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis persediaan Bahasa Inggeris dengan pencapaian Bahasa Inggeris dengan nilai indeks korelasi 0.131 .

Dalam bahagian cara pengelolaan kerja rumah oleh guru, bagi cara pengelolaan semasa guru memberikan kerja rumah, indeks korelasi bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris ialah 0.116 dan 0.132 . Manakala cara pengelolaan guru selepas kerja rumah diberikan dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris masing-masing adalah 0.094 dan 0.092 . Ini menunjukkan perhubungan hubungan antara pengelolaan guru dengan pencapaian pelajar adalah sangat lemah.

Rujukan

- Aiken, L. S., & West, S. G. (1991). *Multiple regression: Testing and interpreting interaction*. Newbury Park, CA: Sage.
- Alreck, P.L & Settle, R.B. (1995). *The survey research handbook: Guidelines and strategies for conducting a survey*. New York: Irwin Professional Publishing.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Cooper, H., (2001). *The Battle Over Homework*. Corwin Press Inc, 65.
- Cooper, H., Robinson, J. C., & Patall, E. A. (2006). *Does homework improve academic achievement? A synthesis of research, 1987e2003*. Review of Educational Research, 76, 1e62.
- Corno, L., and Xu, J. Z. (1998). *Homework and Personal Responsibility*, 11.

- Estyn, Anchor Court, Keen Road, Cardiff (2004). *Homework in Primary School* : Buddsoddwr Publisher.
- Epstein, J. L., Van Voorhis, F. L., & Salinas, K. C. (2001). *Teachers Involve Parents Schoolwork (TIPS) Math Prototype Activities for Kindergarten*. Baltimore, MD
- Holmes, (1998). *Success and Failure; A Comparative Study Of Achievement In School*. Bristol Polytechnic
- Hughes, M. (Ed) *Perceptions of Teaching and Learning*
- Jerry P. Becker.(1999). *Evidence against primary school homework (UK)*: Published BBC Online.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of behavioral research* (3rd. ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart, and Winston.
- La Conte, R.T. Homework as a learning experience :What research say to the teacher. Washington, DC (1981)
- Marshall, P.M (1983). Homework and social facilitation theory in teaching elementary school mathematics. (Doctoral dissertation). Standford University.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- OECD. (2001). *Knowledge and skills for life: First results from the OECD programme for international student assessment*. Paris, France: OECD.
- Paschal, R. A., Weinstein, T., & Walberg, H. J. (1984). *The effects of homework on learning: a quantitative synthesis*. Journal of Educational Research, 78, 97e104.
- Piaget, J. (1990). *The child's conception of the world*. New york: Littlefiled Adams
- Stein, M.L., & Carnine, D.W. (1999). *Designing and delivering effective mathematics instruction*. In R.J. Stevens (Ed.), *Teaching in American Schools: Essays in Honor of Barak Rosenshine*. Columbus, OH: Prentice Hall.
- Thorndike, E. (1913). *Educational Psychology: The Psychology of Learning*. New York: Teachers College Press.